



JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI JOHOR,
TINGKAT 8 DAN 11, LOT 20485,
MENARA TABUNG HAJI,
JALAN AYER MOLEK,
80720 JOHOR BAHRU.

Telefon : 07-2249244/2239318
Faks : 07-2239322
Laman web : www.anm.gov.my

Ruj.Kami : JANM.JHR.600-1/2/14(6)
Tarikh : 9 Julai 2023
20 Zulhijah 1444H

SEPERTI DI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/ Dato/ Datin/ Tuan/ Puan,

SURAT PERINGATAN : TINDAKAN KE ATAS PINDAHAN DANA ELEKTRONIK (EFT) TERBATAL SEHINGGA 30 JUN 2023

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa berdasarkan semakan jabatan ini, didapati terdapat transaksi Pindahan Dana Elektronik (EFT) Ditolak/Cek Terbatal bagi Pusat Tanggungjawab (PTJ) YBhg. Dato/ Datin/ Tuan/ Puan yang masih belum dibuat tindakan penggantian/pelarasan sehingga 31 Januari 2023 seperti di Lampiran. Selaras dengan Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bilangan 7 Tahun 2018, Tatacara Pengurusan Bayaran – Lampiran F Para 2.2, semua PTJ adalah bertanggungjawab untuk mengambil tindakan ke atas semua transaksi EFT Ditolak/Cek Terbatal seperti berikut :

- 2.1.1 Menyemak transaksi EFT Ditolak/Cek Terbatal dan sebab penolakan melalui Laporan EFT Ditolak/Cek Terbatal Yang Belum Diganti melalui sistem iGFMAS secara harian;
- 2.1.2 Sekiranya terdapat transaksi EFT Ditolak/Cek Terbatal, kenalpasti sama ada terdapat keperluan tindakan penggantian/pelarasan;
- 2.1.3 Tindakan penggantian atau pelarasan (tanpa penggantian) hendaklah dilakukan **dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh pembatalan EFT/Cek** seperti berikut:

A. Dengan Penggantian

- i. Transaksi EFT Ditolak/Cek Terbatal bagi tahun 2017, PTJ hendaklah mengemukakan permohonan penggantian ke jabatan ini dengan mengemukakan dokumen-dokumen seperti berikut :
 - a. Borang Penggantian EFT Ditolak/Cek Terbatal
 - b. Salinan Buku Akaun/Penyata Bank yang aktif dan terkini
 - c. Salinan Kad pengenalan/ surat pengesahan daripada SSM
 - d. Salinan baucar bayaran berkaitan yang telah disahkan

- ii. Transaksi EFT Ditolak/Cek Terbatal bagi tahun 2018 sehingga tahun semasa, PTJ hendaklah mengambil tindakan penggantian dengan menyediakan Arahan Pembayaran EFT Terbatal (K9) beserta Borang Penggantian EFT Ditolak/Cek Terbatal dan dokumen sokongan yang lengkap (Rujuk MPK-AP 15: Proses Arahan Pembayaran Tanpa Pesanan Kerajaan Bagi Pembatalan EFT Dan Penggantian EFT Batal dan MPK AP 17: Proses Arahan Pembayaran Tanpa Pesanan Kerajaan Bagi Pembatalan Dan Penggantian Cek Batal).

B. Pelarasan (Tanpa Penggantian)

- i. Transaksi EFT Ditolak/Cek Terbatal bagi tahun 2017, PTJ hendaklah mengemukakan permohonan pelarasan ke jabatan ini dengan mengemukakan dokumen-dokumen seperti berikut :
 - a. Borang Penggantian EFT Ditolak/Cek Terbatal; dan
 - b. Salinan Arahan Pembayaran atau surat pembatalan program atau surat pengesahan tidak akan membuat tuntutan EFT Ditolak/Cek Terbatal (bagi penerima asal yang tidak mahu membuat sebarang tuntutan) atau lain-lain dokumen berkaitan yang telah disahkan.
- ii. Transaksi EFT Ditolak/Cek Terbatal bagi tahun 2018 sehingga tahun semasa, PTJ hendaklah mengambil tindakan pelarasan dengan menyediakan Baucar Jurnal (KJ – Jurnal Pelarasan Pembatalan Cek/EFT) ke VoI/ Hasil/ Amanah beserta Borang Penggantian EFT Ditolak/Cek Terbatal dan dokumen sokongan yang lengkap (Rujuk MPK-AP 20: Proses Penyediaan Baucar Jurnal).
- 3. Sehubungan itu, kerjasama pihak YBhg. Dato/ Datin/ Tuan/ Puan adalah dipohon untuk mengambil tindakan seperti yang dinyatakan di Para 2 dan mengemaskini status tindakan yang telah diambil ke atas semua transaksi EFT Ditolak/Cek Terbatal selawat-lewatnya pada **16 Julai 2023 (Ahad)** melalui pautan <https://shorturl.at/kosBG> Bagi sebarang pertanyaan lanjut berhubung dengan perkara ini, pihak YBhg. Dato/ Datin/ Tuan/ Puan boleh menghubungi Puan Intan Baizura Binti Megat Hussin melalui telefon 07-2249244 sambungan 1152 atau secara emel baizura.megat@anm.gov.my.

4. Perhatian dan tindakan daripada pihak YBhg. Dato/ Datin/ Tuan/ Puan berhubung dengan perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"Memperkasa Budaya Inovasi Pendigitalan"

Saya yang menjalankan amanah,



(MASAYU BINTI MUSTAFA c.A(M))
Pengarah Negeri
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Negeri Johor